

## **BIMB UMUM PBZT KUMPULAN RM627.8 JUTA BAGI 9M21**

### SOROTAN UTAMA

- Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat Kumpulan ("PBZT") meningkatkan 19.3% kepada RM627.8 juta.
- Pulangan Ekuiti Bersih ("ROE") adalah 9.4%.
- Perolehan Sesaham ("EPS") 17.71 sen.
- Kedudukan modal yang sihat dengan Jumlah Nisbah Modal pada 19.9%.
- Mengisytiharkan dividen interim satu peringkat 10.93 sen setiap saham biasa, berjumlah RM226.9 juta.
- Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") diguna pakai pada keseluruhan dividen interim satu peringkat.

**KUALA LUMPUR, Isnin, [29 November 2021]:** Bank Islam Malaysia Berhad ("BIMB" atau "Kumpulan") merekodkan PBZT RM627.8 juta atau peningkatan 19.3% bagi tempoh sembilan bulan berakhir 30 September 2021 ("9M21") berbanding tempoh sama pada tahun 2020. Peningkatan tersebut sebahagian besar disumbangkan oleh peruntukan bersih lebih rendah bagi pembiayaan dan pendahuluan yang terjejas.

Peruntukan bersih yang dikenakan bagi pembiayaan dan pendahuluan terjejas bernilai RM79.6 juta bagi 9M21 adalah RM132.7 juta lebih rendah berbanding RM212.2 juta bagi tempoh sama tahun lalu. Unjuran peruntukan terjejas yang lebih tinggi telah dibuat dalam bentuk *overlay* pengurusan bagi tempoh sama tahun sebelumnya sebagai persediaan untuk keadaan ekonomi lebih buruk ekoran pandemik COVID-19.

Keputusan 9M21 mencerminkan kenaikan 17.71 sen EPS Kumpulan dan Pulangan Ekuiti Tahunan sebanyak 9.4% selepas cukai dan zakat.

Bagi 9M21, Lembaga Pengarah BIMB mengisytiharkan dividen interim satu peringkat berjumlah RM226.9 juta atau 10.93 sen setiap saham biasa. DRP diguna pakai bagi keseluruhan dividen interim satu peringkat tersebut.

Jumlah aset Kumpulan mengukuh tahun-ke-tahun ("Y-o-Y") sebanyak 9.8% untuk berada pada RM76.3 bilion setakat 30 September 2021, manakala aset bersih sesaham berada pada kedudukan RM3.13.

Pembiayaan kasar meningkat sebanyak 3.9% Y-o-Y kepada RM56.9 bilion, sementara akaun deposit dan pelaburan pelanggan berada pada RM64.4 bilion dengan

peningkatan Y-o-Y RM5.5 bilion atau 9.3%. Jumlah komposisi akaun semasa dan simpanan serta akaun pelaburan transaksi ("CASATIA") berada pada aras sihat 39.0% daripada jumlah akaun deposit dan pelaburan pelanggan.

Setakat 30 September lalu, pembiayaan terjejas kasar direkodkan 0.68% berbanding 0.60% pada akhir September 2020.

Jumlah Nisbah Modal Kumpulan kekal kukuh pada 19.9% setakat 30 September 2021.

### **Segmen Operasi**

Perbankan Pengguna melaporkan pendapatan bersih sebanyak RM910.1 juta bagi 9M21, meningkat 15.5% berbanding tahun lalu, sebahagian besar disumbangkan oleh pendapatan berasaskan dana bersih yang lebih tinggi. Pembiayaan kasar bagi Perbankan Pengguna berada pada RM42.6 bilion pada akhir September 2021. Ia merupakan peningkatan Y-o-Y sebanyak 5.4%, sebahagian besar dipacu oleh pertumbuhan dalaman pembiayaan perumahan dan peribadi.

Perbankan Korporat dan Komersial merekodkan pendapatan bersih RM298.5 juta, meningkat 1.8% berbanding tahun sebelum. Jumlah pembiayaan kasar bagi segmen berkenaan berada pada RM14.3 juta.

Sementara itu, Perbendaharaan mencatatkan pendapatan bersih sebanyak RM194.4 juta bagi tempoh sama, susut 51.3% dari tahun sebelum disebabkan oleh pendapatan pelaburan lebih rendah, khususnya laba bersih lebih rendah daripada jualan aset kewangan pada nilai saksama menerusi pendapatan komprehensif lain. Aset di bawah segmen ini berada pada RM18.6 bilion.

### **Tinjauan Keseluruhan Kumpulan**

Pemulihan ekonomi dalam tempoh terdekat kelihatan lebih memuaskan, disokong oleh pembukaan pelbagai sektor ekonomi secara berperingkat, termasuk aktiviti sosial, di bawah Pelan Pemulihan Negara ("PPN"). Pertumbuhan tahun 2022 dijangka kembali cergas seiring dengan pemulihan ekonomi dan dagangan yang dilihat sepanjang separuh kedua 2021 dan 2022, sebahagian besar disumbangkan oleh peningkatan usaha vaksinasi.

Susulan pengumuman Rancangan Malaysia ke-12 baru-baru ini, pertumbuhan ekonomi negara dijangka mencatatkan antara 4.5% hingga 5.5% sepanjang tempoh 2021 hingga 2025. Angka ini lebih tinggi berbanding prestasi Rancangan Malaysia ke-11 yang mencatatkan 2.7%. Prestasi sektor perniagaan dilihat bertambah baik pada suku terakhir 2021 berikutan kelonggaran kawalan pergerakan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan BIMB, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Pandemik COVID-19 dan cabarannya terus memberi impak kepada semua sektor ekonomi. Risiko pada kestabilan kewangan masih terkawal. Tambahan pula, bank-bank telah menyediakan unjuran peruntukan yang berpatutan pada tahun kewangan 2020, dan risiko kredit telah ditetapkan secukupnya oleh pasaran."

Beliau menambah, "Penganalisis juga telah mengekalkan sasaran pertumbuhan pembiayaan industri bagi tahun ini sebanyak 3% hingga 4% setakat ini memandangkan jangkaan pemulihan dilihat positif terhadap permintaan pembiayaan bagi suku keempat 2021. Walaupun kadar purata pembiayaan susut 3 mata asas, margin keuntungan bersih dijangka menerima sedikit tekanan, dipengaruhi oleh persaingan sengit deposit dan ruang terhad perluasan CASA."

Susulan pengambilalihan status penyenaian oleh Bank Islam pada 8 Oktober 2021, Kumpulan BIMB yang baharu meneruskan fokusnya untuk menerapkan prinsip-prinsip Syariah, Pengantaraan Berasaskan Nilai ("VBI") dan pertimbangan alam sekitar, sosial dan tadbir urus ("ESG"). Ia akan menggerakkan enam objektif strategik untuk menyokong dan menguruskan rancangan Kumpulan, khasnya Kemakmuran Mampan, Budaya Berasaskan Nilai, Pemerksaan Komuniti, Tumpuan Pelanggan, Ekonomi Sebenar dan Pendigitalan.

Bank Islam kekal peka memastikan pelanggan yang terkesan mempunyai akses terhadap bantuan kewangan dengan membenarkan mereka memilih untuk mendapatkan moratorium selama enam bulan. Sokongan pembiayaan yang disediakan termasuk program Bantuan Pembayaran PEMULIH ("PRA") serta Program Pengurusan dan Ketahanan Kewangan ("URUS") yang dilaksanakan dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit ("AKPK") bagi menyokong pelanggan B50.

Setakat awal November, Bank telah meluluskan permohonan daripada lebih 142,000 pelanggan, bernilai melebihi RM20.8 bilion, menerusi program PRA, yang ditawarkan mulai 7 Julai 2021 sehingga 31 Januari 2022. PRA memberikan kelonggaran sementara pada komitmen pembiayaan pelanggan individu serta perusahaan kecil dan sederhana ("PKS") yang layak.

Selain itu, BIMB terus membantu dalam memelihara kesejahteraan sosioekonomi negara dengan menyokong penjana pendapatan dan ketahanan kewangan perniagaan milik asnaf dan B40 dalam mendepani kesan pandemik COVID-19.

Program pembiayaan mikro iTEKAD, yang dilancarkan pada Mei 2020, bertujuan untuk menyediakan modal permulaan dan kerja serta latihan peningkatan kemahiran kepada usahawan mikro. Ia telah memanfaatkan 107 usahawan mikro, manakala program

pembiayaan mikro BangKIT, yang dilancarkan pada November 2020, telah memanfaatkan 121 usahawan.

“Tahun 2022 akan menjadi tahun yang penting buat Malaysia, bukan sahaja daripada perspektif pemulihan ekonomi tetapi juga kebangkitan semula industri, kehidupan dan pekerjaan, khasnya kepada mereka yang paling terkesan disebabkan pandemik semasa. Sebagai sebuah bank yang mendahulukan kemakmuran untuk semua dengan menyediakan penyelesaian yang memberikan nilai kepada pemegang taruh, BIMB kini sedang melaksanakan pelan perniagaan strategik lima tahun (“LEAP25”). Misi kami adalah untuk merancang masa depan Kumpulan dalam menjadi peneraju penyelesaian pembiayaan lengkap Syariah-ESG dengan kepimpinan dalam perbankan dan kewangan sosial,” ujar Mohd Muazzam.

---

### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 141 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sendirian Berhad.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di 03-26 900 900.

### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

<b>Rohazida Mohamed</b> Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel. bimbit: 012-231 8602 Emel: <a href="mailto:rohazidam@bankislam.com.my">rohazidam@bankislam.com.my</a>	<b>Omar Atin</b> Pengurus Kanan Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel. bimbit: 019-391 9144 Emel: <a href="mailto:omar@bankislam.com.my">omar@bankislam.com.my</a>
--	--